

Cetak laporan audit atas arahan Najib

BH-14/1/2020 m/d:52

Bekas pengarah JAN dimaklumkan persetujuan diperlukan kerana beri impak politik

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas pengarah audit Jabatan Audit Negara (JAN) diminta untuk tidak mencetak Laporan Akhir Audit 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sehingga mendapat arahan dan persetujuan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Saadatul Nafisah Bashir Ahmad yang memberikan keterangan di Mahkamah Tinggi semalam, berkata perkara itu dimaklumkan kepadanya oleh bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa.

Ketika itu, Saadatul Nafisah

adalah Pengarah Audit JAN.

"Seingat saya, Tan Sri Ali Hamsa memberitahu saya *don't print the report until his greenlight* (jangan cetak sehingga dapat kebenaran beliau (Najib)).

"Beliau (Ali) menyatakan, ia akan menyebabkan impak dari segi politik kepada negara. Saya maklumkan kepada bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dan beliau ambil maklum mengenai perkara itu," katanya.

Saadatul Nafisah berkata, sebelum itu beliau menyerahkan sendiri draf Laporan Audit Akhir 1MDB yang dikemas kini kepada Ali pada 29 Februari 2016, selepas mendapat persetujuan Ambrin.

Saksi pendakwaan ketujuh itu berkata, pada 1 Mac 2016, satu mesyuarat diadakan di pejabat Ali yang dipengeruskannya bagi membincangkan semula Laporan Akhir Audit 1MDB yang sudah dikemas kini.

Saadatul Nafisah berkata, Ali menghubungi Ambrin yang kemudian mengarahkannya (saksi)

hadir ke mesyuarat yang turut dihadiri bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy dan ketua pasukan khas audit 1MDB.

Saksi itu berkata, Arul Kanda membangkitkan beberapa perkara dalam Laporan Akhir Audit 1MDB bagi tujuan digugurkan, antaranya membabitkan perkataan digunakan pasukan audit yang subjektif dan perkara yang tidak mempunyai bukti sokongan kuat.

"Kebanyakan adalah pertukaran perkataan. Pasukan audit pada masa itu hairan dengan tindakan Arul Kanda kerana beliau baru membaca dan meneliti setiap perkara dalam laporan berkenaan.

"Pihak JAN memberi peluang kepada pasukan audit menyuarakan mengenai apa-apa perkara atau isu berbangkit pada hari *exit conference*: iaitu 16 Disember 2015.

Exit conference adalah sesi perbincangan dengan pihak yang diaudit selepas tugas audit dilakukan yang mana pihak audit akan menyoal dan meminta penjelasan

perkara dibangkitkan serta meminta dokumen sokongan untuk menyelesaikan perkara atau isu berbangkit," katanya.

Mengenai isu kehadiran ahli perniagaan Low Taek Jho atau Jho Low yang namanya dinyatakan dalam Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah 1MDB bertarikh 26 Disember 2009, Saadatul Nafisah berkata, semakan JAN mendapati ahli perniagaan itu hadir ketika lembaga pengarah meluluskan pelaburan Bon Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN).

Saksi itu berkata, JAN beranggapan ia sesuatu yang tidak teratur apabila Jho Low hadir pada mesyuarat itu sedangkan tidak memegang jawatan atau peranan dalam 1MDB.

"Bagaimanapun, ketika mesyuarat pada 24 Februari 2016, JAN diminta oleh Tan Sri Shukry Mohd Salleh (bekas ketua setiausaha sulit Najib) menggugurkan perenggan berkaitan kehadiran Jho Low dalam mesyuarat lembaga pengarah atas ala-

san tahap sensitiviti.

"Ia bagi mengelak fakta diputar belit oleh pihak pembangkang. Pada 26 Februari 2016 di pejabat JAN, pasukan khas audit 1MDB termasuk saya dan Ambrin berbincang dan Ambrin bersetuju menggugurkan perenggan itu.

"Beliau (Ambrin) menyatakan pengguguran perenggan itu tidak menjejaskan laporan akhir audit dan JAN tiada dokumen sokongan yang menyatakan Jho Low benar-benar hadir pada mesyuarat itu," katanya.

Saadatul Nafisah berkata, ketika proses audit dijalankan, semakan JAN mulanya mendapati nama Jho Low tertera pada Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB, tetapi pihaknya dilarang mengambil dokumen Minit Mesyuarat berkenaan.

Selepas beberapa kali meminta dokumen terbabit, saksi berkata, 1MDB akhirnya memberikan salinan yang disahkan, tetapi nama Jho Low tiada dalam senarai kehadiran mesyuarat.